

TARIKH	31 / 10 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6	RUANGAN	<i>setempat</i>

Tiga maut selepas van dinaiki enam orang rempuh belakang lori sarat bijih besi

## Mati nahas sekembali dari Mekah

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK  
berita@kosmo.com.my

**KUANTAN** - Tiga jemaah haji yang baru pulang dari Tanah Suci Mekah menemui ajal selepas van yang mereka naiki merempuh belakang sebuah lori muatan bijih besi di Kilometer 210.2, Lebuh Raya Pantai Timur dekat Gambang di sini semalam.

Mangsa yang terkorban dalam kejadian pada pukul 3.40 pagi itu ialah Fatimah Said, 63, Zainab Awang Hassan, 59, dan Kamarudin Ab. Rahman, 43. Ketiga-tiga mangsa meninggal dunia di tempat kejadian.

Kejadian itu turut menyebabkan tiga yang lain iaitu isteri Kamarudin, Tuan Mazlinawati Tuan Abdullah, 40, dan ibunya, Rokiah Ibrahim, 63, serta permandu van, Roibae Roslan, 45, cedera.

Mereka dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini untuk ra-



KAMARUDIN



FATIMAH



ZAINAB

watan.

Kamarudin menetap di Permatang Badak Maju, Zainab dari Kampung Seri Teruntum manakala Fatimah dari Kampung Rozali, Jalan Gambang.

Menantu Rokiah, Khairul Azhan Zainol, 41, berkata, lima sekawan itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Sepang pada pukul 10 malam kelmarin.

"Pada pukul 4 pagi, saya hubungi beras (Mazlinawati) bertanya sama ada mereka sudah sampai kerana me-

reka sepatutnya tiba di Kuantan pukul 4 pagi. "Mazlinawati kemudian memberitahu, dia dirawat di HTAA kerana van yang dinaiki mereka terlibat dalam kemalangan," katanya di sini semalam.

Sementara itu, Pemangku Tadbir/Trafik Pahang, Asisten Superintenden Zainalabidin Othman berkata, kejadian berlaku apabila van yang membawa lima jemaah haji itu merempuh belakang sebuah lori yang berada di lorong lidi.

Jenazah ketiga-tiga mang-



KEADAAN van membawa lima jemaah yang terlibat dalam kemalangan selepas merempuh sebuah lori di Kilometer 210.2, Lebuh Raya Pantai Timur dekat Gambang, Kuantan semalam.

sa itu dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Batu 8 de-

kat sini semalam dan kes 41(1) Akta Pengangkutan TH disiasat mengikut Seksyen Jalan 1987.